

## Press Information

### *For Immediate Release*

#### **Boon Siew Honda Memperkenalkan Penampilan Baharu untuk EX5**

Pulau Pinang, 14 May 2018: Boon Siew Honda hari ini memperkenalkan penampilan baharu untuk EX5 –model cub Honda legenda yang datang dengan warna baru - Magenta dan jalur retro untuk menyerlahkan lagi penampilan yang bergaya.

EX5 merupakan model Honda popular di Malaysia dan sejak dilancarkan pada tahun 1987, ianya melebihi 2 juta unit telah dijual sehingga April 2018.

EX5 ialah model cub Honda pertama di Malaysia dalam kelasnya yang dipasang dengan teknologi baharu iaitu sistem enjin FI yang dibangunkan untuk meningkatkan kuasa serta penjimatan bahan api. Menerusi penggunaan teknik kawalan elektronik, sistem suntikan bahan api (FI) membolehkan enjin hanya memerlukan nisbah udara-bahan api yang minimum. Hasilnya, ia mampu menawarkan prestasi yang mesra alam dan kualiti tunggangan lebih baik.

Tangki minyak berkapasiti 4.3L itu pasti dapat mengurangkan kekerapan mengisi petrol. Sekali gus menawarkan kemudahan kepada penunggang untuk perjalanan yang lebih jauh.

Dari segi penampilan pula, EX5 baharu direka agar kelihatan lebih bergaya. Jalur retro, lambang serta pemegang belakang krom memberikan imej vintajnya kepada model ini. Selain itu, penutup ekzos krom tidak hanya menarik dalam penampilan tetapi juga bertindak sebagai ciri keselamatan tambahan dari haba.

Boon Siew Honda percaya bahawa dengan pengenalan EX5 Baharu akan dapat menarik kumpulan pelanggan baru terutama pengguna muda yang lebih suka cub yang mempunyai reputasi yang baik dengan reka bentuk yang bergaya.

EX5 baharu boleh didapati di:

Jenis	Warna	RM (w/o GST)	RM (with GST)
Roda Jejari (Electric Starter)	Pearl Magellanic Black	RM4,859	RM5,150.54
	Pearl Nightfall Blue		
Roda Tuangan (Electric Starter)	Pearl Nightfall Blue	RM5,099	RM5,404.94
	Candy Scintillated Red		
	Space Magenta Metallic		

## Press Information

*Harga yang ditunjukkan adalah harga ruang pameran untuk rujukan sahaja tetapi tidak termasuk cukai jalan, insurans dan pendaftaran. Model ini juga dilengkapi dengan jaminan kilang dua tahun atau 20,000km (mana-mana yang tiba dahulu).*

Maklumat lanjut, sila layari laman web: [www.boonsiewhonda.com.my](http://www.boonsiewhonda.com.my) atau hubungi talian Tol-Percuma Boon Siew Honda 1800-88-3993 (Isnin hingga Jumaat 9am – 5pm, kecuali cuti umum), atau Facebook:

[www.facebook.com/HondaMotorcyclesMalaysiaBoonSiewHonda](https://www.facebook.com/HondaMotorcyclesMalaysiaBoonSiewHonda)

#

### **Mengenai Boon Siew Honda Sdn. Bhd.**

Boon Siew Honda Sdn. Bhd., sebuah syarikat usaha sama antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd., memulakan operasi pada September 2008 dengan matlamat untuk menggabungkan pengeluaran dan jualan motosikal di Malaysia serta mencapai kecekapan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Sebelum kewujudan syarikat baharu berkenaan, Boon Siew Sdn. Bhd. bertanggungjawab dalam penghasilan dan perniagaan pukal produk motosikal Honda di Malaysia. Sementara menjangkakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. akan mengukuhkan daya saingnya dan berusaha untuk menyediakan produk serta perkhidmatan yang melangkaui jangkaan pelanggan.

### **Untuk Pertanyaan Media:**

Nor Azam  
012-499 6106  
[nor\\_azam@bswhonda.com.my](mailto:nor_azam@bswhonda.com.my)

Tan Mei Pheng  
012-487 0677  
[mptan@bswhonda.com.my](mailto:mptan@bswhonda.com.my)